



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**TYT TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**SEMPENA HARI KEDAMAIAN ANTARABANGSA
(INTERNATIONAL DAY OF PEACE)
“END RACISM, BUILD PEACE”**

**PADA 1 SEPTEMBER 2022 (KHAMIS) JAM 10:00 PAGI
BERTEMPAT DI PUSAT HARMONI PULAU PINANG**

Bismillahirrahmanirrahim.

YB Puan Chong Eng

Exco Pembangunan Sosial Dan Hal Ehwal Bukan Islam

Merangkap Pengerusi Penang Harmony Corporation (HARMONICO)

YB Tuan Daniel Gooi Zi Sen

Ahli Dewan Undangan Negeri Pengkalan Kota

YB Puan Lim Siew Khim

Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Pinang

YBhg Dato' Seri (Dr.) Anwar Fazal

Ahli Lembaga Pengarah Penang Harmony Corporation (HARMONICO)

Merangkap Pengerusi Think City

Encik Paul Au Chong Yee

Pengurus Penang Harmony Corporation (HARMONICO)

Encik Alagesan Ayaru

Pengerusi Peace Children Care Centre

YBhg. Dato'-Dato',

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan

Salam Sejahtera.

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Penang Harmony Corporation (HARMONICO), di atas jemputan untuk merasmikan Kempen **PEACE 21** bagi tahun 2022, bersempena dengan sambutan Hari Kedamaian Antarabangsa yang dihayati setiap tahun.

2. Saya sungguh bangga sekali dapat turut meraikan PEACE 21 bersama-sama HARMONICO sekali lagi pada tahun ini.

3. Tahun lepas merupakan sambutan PEACE 21 buat julung kalinya di Pulau Pinang, di mana saya telah bersama-sama para Duta Kedamaian (Peace Ambassadors) yang lain, berganding bahu mengayuh basikal untuk kedamaian, "Cycle the World, Cycle for Peace". Program anjuran HARMONICA tersebut telah berjaya menyumbang ke arah pencapaian objektif yang ditetapkan.

4. Sambutan Hari Kedamaian Antarabangsa pada tahun ini membawa tema, "**Hapuskan Rasisme, Bina Kedamaian**", (iaitu, End Racism, Build Peace). Tema ini amat sesuai sekali memandangkan kepada cabaran pergolokan sosio-politik yang dihadapi ketika ini yang melibatkan negara kecil dan besar serta negara maju dan membangun. Tema ini sebenarnya mungkin ringan di bibir tetapi bukan mudah digalas.

5. Sebagaimana kita sedia maklum, Hari Kedamaian Antarabangsa bermula pada tahun 1981 di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Dua dekad kemudian, pada tahun 2001, tarikh 21 September telah dipilih sebagai hari khusus setiap tahun untuk meraikan kedamaian serta gencatan senjata sedunia dan hari tanpa keganasan.

6. Pulau Pinang, dan Malaysia amnya merupakan sebuah negara di mana kepelbagaian budaya, kaum dan agama adalah satu aset sosial yang boleh kita banggakan. Kepelbagaian dalam masyarakat, memberi kita peluang untuk menikmati kepelbagaian masakan, perayaan, pakaian, kepercayaan dan lain-lain lagi. Namun begitu, kepelbagaian adalah umpama pedang dua mata. Andai tidak dijaga dan tidak dirai, ia boleh membuka ruang kearah ketegangan sosial yang berpotensi mengancam perpaduan kaum dan stabiliti negara.

7. Dalam hal ini, Tema “End Racism, Build Peace” adalah amat bertepatan dalam konteks negeri kita. Saya yakin Pulau Pinang, sebagai negeri di Malaysia yang mempunyai demografi kaum yang seimbang, dapat memainkan peranan utama dalam meraikan kepelbagaian agama dan budaya di negeri kita yang aman dan harmoni ini.

8. Penganjuran PEACE 21 merupakan satu inisiatif yang proaktif Kerajaan Negeri Pulau Pinang sempena sambutan hari yang penuh bermakna ini. Saya dengan sebulat hati menyokong penuh inisiatif ini, dan saya harap Pulau Pinang akan menjadi sebuah negeri contoh dalam mempromosikan kedamaian dan keharmonian di negara Malaysia.

9. Saya difahamkan pihak HARMONICO akan menganjurkan Kempen “PEACE 21” selama 21 hari, mulai 1 sehingga 21 September, 2022. Pelbagai program dan aktiviti seperti Hari Keluarga Kedamaian (PEACE Family-Day), Tayangan Filem, “PEACE Exploration Tour” dan banyak lagi telah dirangka untuk meraikan kedamaian di pelbagai tahap - kedamaian dari dalam diri, kedamaian dalam keluarga dan masyarakat, kedamaian antara masyarakat, kedamaian global dan kedamaian dengan alam sekitar.

10. Sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pertubuhan Keagamaan, organisasi-organisasi serta individu-individu berkenaan yang telah memberikan sokongan penuh serta bersemangat bagi menyahut seruan kedamaian ini.

11. Akhir kata, saya menyeru rakyat Negeri Pulau Pinang dan masyarakat keseluruhannya untuk menyertai program “PEACE 21”, dan bersama-sama meraikan kedamaian. Ingatlah, kedamaian adalah satu usaha bersama, dari satu sama lain, untuk satu sama lain. Bak kata pepatah, “Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat”.

Ayuhlah kita bersama-sama, meraikan kedamaian dan sekaligus membina Pulau Pinang sebagai negeri yang terus maju dan pesat membangun, berteknologi tinggi, dengan rakyat moden bertamadun, hidup dalam suasana alam sekitar yang bersih, bersatu padu serta aman damai dengan penuh harmoni.

12. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan Kempen “**PEACE 21: End Racism, Build Peace**”.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.